2.6 UNIT PEMAKANAN

Matlamat Unit Pemakanan JKWPKL&P ialah untuk meningkatkan taraf pemakanan dan amalan penduduk di Wilayah Kuala Lumpur dan Putrajaya. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk pemantauan taraf pemakanan kumpulan sasaran, promosi pemakanan sihat, promosi penyusuan susu ibu, pemulihan pemakanan serta latihan.

2.6.1 Situasi Pemakanan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- **Kanak-Kanak 0-5 Tahun**
  Pada tahun 2008, taraf pemakanan kanak-kanak 0-5 tahun di WPKL adalah seperti berikut:
  i) Peratus kanak-kanak kekurangan berat badan teruk (KBB(T)) meningkat dari 0.06% pada tahun 2007 kepada 0.27%.
  ii) Peratus kanak-kanak kekurangan berat badan sederhana (KBB(S)) telah meningkat dari 2.88% pada tahun 2007 kepada 3.56%.
  iii) Peratus kanak-kanak berlebihan berat badan (KBB(B)), bagaimanapun telah meningkat sedikit dari 0.56% pada tahun 2007 kepada 1.55%.

Rajah 4: Status Berat Badan Kanak-Kanak (KBB[T]) Bawah 5 Tahun WPKL (2005-2008)



Rajah 5: Status Berat Badan Kanak-Kanak (KBB[S]) Bawah 5 Tahun WPKL (2005-2008)



Rajah 6: Status Berat Badan Kanak-Kanak Lebih Berat Badan Bawah 5 Tahun WPKL (2005-2008)



- **Program Pemulihan Kanak-kanak KZM**
  i) Bilangan kanak-kanak yang masih menerima bakul makanan di bawah PPKZM sehingga Dis 2008 ialah 18 orang.
  ii) Ceramah pemakanan kanak-kanak dijalankan setiap bulan.

Jadual 46: Bilangan Kes KZM Yang Menerima Bantuan Bagi Tahun 2003-2008

Zon	Tahun					
	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Cheras	12	12	10	11	8	8
Klang Lama	2	1	0	1	6	3
Pusat Bandar	0	0	0	0	0	0
Setapak	0	0	1	2	3	5
Kepong	1	1	1	2	3	2
Damansara	0	0	0	0	0	0
Jumlah	**15**	**14**	**12**	**16**	**20**	**18**

- **Orang Dewasa**
  Pada Jun 2008, program pengawasan pemakanan telah menjalankan satu projek pengambilan data di kalangan orang dewasa (anggota kesihatan JKWPKL&P). Hasil analisa didapati:

Rajah 7: Prevalen Berlebihan Berat Badan Di Kalangan Anggota Kesihatan



Jumlah Anggota Kesihatan	% Berlebihan Berat Badan
JKN, n= 231	28.6% (66)
K.Pergigian(KP) dan K.Kesihatan(KK), n=608	28.9% (176)
Keseluruhan (839)	28.8% (242)

Sumber: Data Antropometri JKWPKL&P 2008

Rajah 8: Prevalen Obes Di Kalangan Anggota Kesihatan



Jumlah Anggota Kesihatan	% Obes
JKN,n= 231	18%(42)
K.Pergigian(KP) dan K.Kesihatan(KK), n=608	16.94%(103)
Keseluruhan (839)	17.3% (145)

Sumber: Data Antropometri JKWPKL&P 2008

- **Ibu Hamil 36 Minggu**
  i) Peratus anemia teruk di kalangan ibu hamil 36 minggu didapati meningkat dari 4.69% pada tahun 2007 kepada 5.52% pada 2008.
  ii) Peratus anemia sederhana di kalangan ibu hamil 36 minggu menurun dari 34.06% pada tahun 2007 kepada 33.74% pada tahun 2008.

Rajah 9: Prevalen Ibu Hamil Anemia Pada 36 Minggu



- **Amalan Penyusuan Susu Ibu**
  Amalan penyusuan susu ibu di Wilayah Kuala Lumpur masih boleh dipertingkatkan. Pada tahun 2008, peratus ibu yang mengamalkan penyusuan susu ibu secara eksklusif pada bayi berumur 4 bulan meningkat sedikit daripada 20.45% tahun 2007 kepada 23.44% (2008).

  Manakala peratus ibu yang mengamalkan penyusuan susu ibu secara eksklusif pada bayi berumur 6 bulan menurun daripada 7.97% tahun 2007 kepada 7.9%.

Rajah 10: Prevalen Amalan Penyusuan Bayi 4 Bulan



Rajah 11: Prevalen Amalan Penyusuan Bayi 6 Bulan



Promosi di setiap klinik kesihatan ibu dan anak telah digiatkan. Bilangan anggota yang telah dilatih sebagai Kaunselor Laktasi telah bertambah setiap tahun iaitu seramai 63 orang (KK Jinjang, KK Tanglin, KK Salak Selatan dan KKIA daripada DBKL). Anggota kejururawatan akan memberi ceramah atau nasihat secara individu kepada ibu-ibu hamil yang datang ke klinik tentang pengurusan penyusuan susu ibu.

2.5.2 Pelaksanaan Aktiviti Pemakanan 2008

- **Program Pengawasan Pemakanan**
  Program Pengawasan merupakan nadi utama Unit Pemakanan. Melalui program ini Unit Pemakanan dapat memantau status dan trend pemakanan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya setiap bulan sentinel. Antara status pemakanan yang boleh di pantau ialah status berat badan kanak-kanak bawah 5 tahun, paras Hemoglobin di kalangan ibu hamil anemia, amalan penyusuan susu ibu, program bakul makanan dan susu tepung penuh krim. Aktiviti pengambilan data Antropometri di kalangan anggota kesihatan/pergigian JKWPKL&P merupakan merupakan aktiviti tetap setiap tahun yang dijalankan pada bulan Mei untuk mengetahui status pemakanan anggota JKWPKL&P.

- **Program Pemulihan Anemia Di Kalangan Ibu Hamil Anemia**
  Antara aktiviti yang dijalankan bagi meningkatkan peratus anemia di kalangan ibu hamil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya ialah:
  i) Mengadakan kursus pengukuhan Ibu Hamil Anemia di kalangan jururawat pada 21-23 Mac 2008.
  ii) Mengadakan Sambutan Hari Pemakanan Ibu Hamil di Klinik kesihatan Jinjang pada 20 April 2008.
  iii) Mengadakan Sambutan Hari Pemakanan Ibu Hamil peringkat klinik sepanjang bulan April 2008.

Gambar 9: Antara Aktiviti Program Pemulihan Anemia di Kalangan Ibu Hamil Anemia

iv) Mengadakan kursus pengukuhan Teknik Kalobrasi dan Penggunaan *Hemecue.*
v) Mengadakan ceramah pemakanan & demonstrasi memasak makanan tinggi zat besi di peringkat klinik setiap bulan.

- **Program Obesiti**

  Antara aktivti yang dijalankan untuk membantu anggota kesihatan dalam menurunkan berat badan ialah:
  i) Sesi ceramah, demonstrasi memasak, senamrobik dan gymnasium setiap bulan sepanjang tahun.
  ii) Aktiviti *outdoor* di Kem Bina Semangat, Kuala Kubu dan Impian, Morib.
  iii) Penyampaian sijil kepada anggota kesihatan yang berjaya menurunkan berat badan pada 11 September 2008.

Gambar 9: Antara Aktiviti *Outdoor* Program Obesiti

- **Advokasi NPANM (Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia ke-II)**

  NPANM merupakan pelan pemakanan yang komprehensif untuk pembangunan pemakanan negara. Ia bertujuan untuk mengekalkan kesejahteraan pemakanan yang optimum di kalangan rakyat Malaysia. Objektif umum adalah untuk meningkatkan status pemakanan dan mencegah dan mengawal penyakit tidak berjangkit berkaitan dengan pemakanan.

  Fokus NPANM di peringkat negeri lebih kepada menggalakkan penglibatan dari pihak NGO dan agensi kerajaan lain dalam turut sama membantu Unit Pemakanan Negeri dalam menyebarkan maklumat dan menyokong strategi bagi menerapkan amalan pemakanan yang sihat. Antara aktiviti NPANM ialah:
  i) Karnival Pemakanan dan Cara Hidup Sihat bersama ETIQA, Maybank pada 30-31 Januari 2008.
  ii) Seminar pemakanan di kalangan kanak-kanak tadika KEMAS.

iii) Kursus Integrasi Penyediaan Makanan Kanak-Kanak bersama RISEAP, JAKIM, JAIS.
iv) Kem Pemakanan Seimbang bersama JAKIM.
v) Kem Pemakanan Wanita bersama PUSPANITA.
vi) Seminar Pemakanan bersama Kementerian Pelajaran untuk pengusaha kantin.
vii) Kursus Penyediaan Makanan Sihat Keluarga bersama RISEAP.
viii) Taklimat Penyusuan Susu Ibu bersama Sime Darby.
ix) Taklimat Pemakanan Sihat bersama M3nergy.
x) Kempen Cara Hidup Sihat untuk remaja di Sekolah Menengah Bandar Tasik Puteri Cheras.

Gambar 10: Aktiviti-aktiviti Kempen Cara Hidup Sihat Tahun 2008

- **Projek Rintis Kantin Sekolah**
  Ini merupakan projek Kementerian Kesihatan Malaysia bersama Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengenalpasti masalah pemakanan dan kebersihan di sekolah. Kumpulan sasaran adalah terdiri daripada murid sekolah tahun 4 dan 5, para guru, pengusaha kantin dan ibu bapa. Kementerian Pelajaran telah memilih 4 buah sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu

Gambar 11: Antara Aktiviti Bersempena Projek Rintis Kantin Sekolah

Sekolah Jenis Tamil, Segambut, Sekolah Jenis Cina, Sentul, Sekolah Putrajaya Presint 9(1) dan Sekolah Putrajaya Presint 11(1) untuk dijadikan sekolah projek. Antara aktiviti yang dijalankan ialah ceramah, demonstrasi menyediakan sarapan, pameran, kuiz, peraduan mengarang esei dan mewarna. Projek ini telah bermula pada bulan Mac dan berakhir pada bulan November 2008.

- **Program Pemakanan Komuniti Peringkat Klinik**
  Ini merupakan program pemakanan yang memberi tumpuan khusus di peringkat klinik. Melalui program ini, kem pemakanan akan menjalankan aktiviti pameran, ceramah dan demonstrasi memasak mengikut jenis penyakit dan masalah pemakanan di klinik/komuniti terbabit. Antara kem pemakanan yang diadakan ialah:
  i) Kem Pre Diabetis di KK Batu
  ii) Kem Pemakanan Remaja Sihat di KK Jinjang
  iii) Kem Pemakanan Warga Emas di KK Jinjang
  iv) Kem Pemakanan di Kg Pandan

  Aktiviti Program Pemakanan Wilayah Kuala Lumpur telah diperluaskan pada tahun 2008. Antara lain aktiviti yang dijalankan seperti mengadakan Hari Kesihatan Kanak-kanak yang diadakan di KK Jinjang di mana pengisiannya seperti ceramah dan pameran kepada penyelia dan pengasuh taska dan pertandingan mewarna di kalangan kanak-kanak taska.

  Bagi mengawasi paras hemoglobin ibu hamil pada 36 minggu, Unit Pemakanan telah memainkan peranan dalam melatih anggota tentang pengurusan pemakanan bagi ibu-ibu hamil yang anemia. Seterusnya pegawai yang terlibat akan memantau anggota terbabit dalam mengendalikan pendidikan pemakanan ibu hamil di klinik-klinik. Satu kajian pendek juga dijalankan di beberapa klinik kesihatan ibu dan anak bagi mengetahui punca sebenar peratusan ibu hamil yang anemia semakin meningkat.

  Kajian status berat badan anggota kesihatan diteruskan pada tahun ini yang dijalankan pada bulan Jun 2008 bagi memantau tahap kesihatan anggota.

- **Program Pencegahan dan Kawalan Kekurangan Mikronutrien**
  Unit Pemakanan JKWPKL&P telah terlibat secara langsung untuk mengendalikan Kajian Gangguan Akibat Kekurangan Iodin Kebangsaan 2008 di kalangan murid tahun 2,3 dan 4. Kajian dijalankan sepanjang Februari hingga Jun 2008, ke atas 40 orang murid bagi setiap 30 buah sekolah yang terpilih di sekitar Kuala Lumpur dan 150 orang murid dari setiap 8 buah sekolah di sekitar Putrajaya. Kajian yang dikendalikan oleh Institut Kesihatan Umum ini

bertujuan untuk mendapatkan status pelajar yang mempunyai masalah gangguan akibat kekurangan iodin di mana pelaksanaan garam universal akan dilakukan.

Gambar 12: Antara Aktiviti Program Pencegahan dan Kawalan Kekurangan Mikronutrien

- **Bulan Pemakanan**
  Sambutan Bulan Pemakanan peringkat WP Kuala Lumpur telah diadakan pada 20 April 2008 di KK Jinjang. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pelancaran Dapur Sihat Masyarakat KK Jinjang dan Pelancaran Hari Pemakanan Wanita Hamil yang dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia, Dato' Dr. Hj. Ramlee Rahmat.

Gambar 13: Program Sambutan Bulan Pemakanan Peringkat WPKL 2008

- **Promosi Penyusuan Susu Ibu**
  i) Pelancaran Minggu Penyusuan Susu Ibu telah diadakan pada 4 Ogos di Taman Tasik Titiwangsa.
  ii) Pelancaran Projek Rintis Taska Rakan Bayi pada 1 November 2008 telah diadakan di TESCO Extra, Taman Midah Cheras bagi tujuan untuk menarik minat pihak pengusaha dan pengasuh taska mempromosi dan menggalakkan penyusuan susu ibu di taska seliaan mereka.

iii) Kursus pengurusan penyusuan susu ibu yang telah dijalankan di Hospital Tg Karang pada 18-21 Februari 2008. Seramai 30 orang peserta telah menyertai kursus tersebut dengan jayanya.

iv) Kursus Kaunseling Penyusuan Susu Ibu (40 jam) telah diadakan pada 14-19 Mac 2008 di Hotel Gold Course Klang bagi melatih anggota sebagai Kaunselor Laktasi yang berupaya membantu ibu hamil yang mempunyai masalah dalam penyusuan susu ibu.

- **Program Makanan Tambahan Susu Penuh Krim**
  Pada 2008, jumlah penerima bekalan susu tepung penuh krim adalah seramai 389 orang yang mana 213 orang terdiri daripada ibu hamil, 197 orang terdiri daripada kanak-kanak. Purata seorang penerima mendapat susu tepung adalah 1.76 kg/orang.

2.7 AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit diberi penambahan program pada awal tahun 2008 dimana Program Rawatan Terapi Gantian Dengan Methadone dimasukkan di bawah program NCD. Program ini melaksanakan rawatan untuk penagih dadah tegar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

2.7.1 Pencapaian

Berikut adalah senarai program yang dijalankan dibawah NCD sepanjang tahun 2008:

1.1 Program NCD

- Pencegahan dan Kawalan Diabetes dan Kebutaan
- Kardiovaskular
- HPT
- Klinik Berhenti Merokok
- Program Terapi Gantian Dengan Methadone
- Kanser Registri

2.7.2 Program NCD

2.7.2.1 Program Aktiviti Penyakit Diabetes

Program Aktiviti Penyakit Diabetes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2008 mencatatkan seramai 21,325 orang di mana 3,596 orang adalah pesakit baru. Pencapaian aktiviti Saringan Diabetes pada tahun 2008, kehadiran pesakit JPL seramai 8,200,065 (92%). Seramai 106,662 orang daripadanya adalah pesakit diabetes (Jadual 47). Seramai 852,369 orang telah

disaring, manakala keputusan saringan seperti dalam jadual (Jadual 48). Aktiviti pemantauan diabetes juga ada dijalankan (Jadual 49).

Jadual 47: Jumlah Kehadiran Pesakit Tahun 2008

Jumlah kehadiran semua pesakit	820,065
Jumlah kehadiran pesakit diabetes	106,662

Jadual 48: Keputusan Ujian Saringan

Tempat	%	Bilangan	Keputusan	%	Bilangan
JPL	75	42,545	Normal	65	25,862
Kem Kesihatan	25	9,824	*Borderline*	22	9,644
Jumlah Keseluruhan		**52,369**	**Abnormal**	**13**	**5,574**

Aktiviti saringan diabetes tahun 2008 di JPL sebanyak 42,545 iaitu 75%, manakala di Kem Kesihatan mencatatkan sebanyak 9,824 iaitu 25%. Manakala keputusan saringan diabetes tahun 2008 bagi pesakit normal 65%, *borderline* 22% dan abnormal 13%.

Jadual 49: Keputusan Ujian HbA1c

Jumlah pesakit yang menjalani ujian HbA1c	15,377	%	Ujian Mikroalbuminuria	10,648
Keputusan <6.5%	3,805	23%	Normal	7,173
Keputusan >6.5%	10,813	65%	Abnormal	3,726
Tiada keputusan	759	12%	Tidak dapat dikesan	-

Jadual di atas menunjukkan jumlah pesakit yang menjalani ujian HbA1c pada tahun 2008 di mana keputusan >6.5% adalah sebanyak 10,813 orang daripada 15,377 orang yang menjalani ujian.

2.7.2.2 Program Kawalan Penyakit Kardiovaskular

Aktiviti saringan penyakit Kardiovaskular telah dilakukan di klinik kesihatan di WPKL&P sebanyak 14 klinik kesihatan telah terlibat dalam program ini. Pada tahun 2008, seramai 10,191 responden telah disaring.

Jadual 50: Bilangan Faktor Risiko dan Jenis Risiko

Faktor Risiko	%	Bilangan	Jenis faktor risiko	%	Bilangan
0	13	863	Darah Tinggi Bp>140/90	10	1,269
1	32	1,543	Perokok	10	961
2	30	1,672	Kegemukan BMI>25-30	20	1,896
3	17	1,065	Obese BMI>30	9	970
4	6	410	Kolestrol Tinggi>5.2mmol/l	10	998
5	2	89	Diabetes Mellitus	11	1,069
6	0	4	Sejarah keluarga	30	3,028

Jadual di atas menunjukkan faktor risiko dan jenis risiko. 32% mempunyai sekurang-kurangnya 1 faktor risiko di kesan daripada responden yang disaring. Sejarah keluarga mencatatkan peratus tertinggi iaitu 30% dan diikuti dengan kegemukan iaitu BMI>25-30.

Jadual 51: Bilangan pesakit yang disaring mengikut kumpulan umur dan bangsa

Kumpulan Umur	%	Bilangan	Bangsa	%	Bilangan
25-34 tahun	19	1992	Melayu	52	66,865
35-44 tahun	28	3141	Cina	30	2,068
45-54 tahun	32	3137	India	16	1,554
>55 tahun	21	1921	Lain-lain	2	57

Mengikut kumpulan umur, peringkat umur 35-44 tahun mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 3,141 kes. Manakala bangsa Melayu pula mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 6,365 orang pesakit.

2.7.2.3 Program Kawalan Penyakit Hipertensi Tahun 2008

Program kawalan penyakit Hipertensi di WPKL&P dijalankan oleh 14 klinik kesihatan.

Jadual 52: Bilangan Pesakit Disaring Tahun 2008

Klinik Kesihatan JKWPKL&P	Jantina		Jumlah
Perkara	Lelaki	Perempuan	
Jumlah pesakit disaring	65,590	81,503	147,093
Kes Tekanan darah tidak normal Bp>140-90	16,704	20,622	37,326
Kes-kes *Follow-up*	52,100	69,667	121,797

Jadual di atas menunjukkan pengurusan penyakit darah tinggi mengikut jantina di mana jumlah pesakit lelaki yang disaring adalah seramai 65,569 berbanding perempuan iaitu seramai 81,503 orang.

2.7.2.4 Pencapaian Klinik Berhenti Merokok

Sehingga Disember 2008, bilangan klinik berhenti merokok di WPKL&P sebanyak 7 klinik iaitu Poliklinik Tanglin, Klinik Kesihatan Setapak, Klinik Kesihatan Pantai, Klinik Kesihatan Jinjang, Klinik Kesihatan Batu, Klinik Kesihatan Bandar Tun Razak, Klinik Kesihatan Kampung Pandan dan Hospital Putrajaya.

Jadual 53: Pencapaian Klinik Berhenti Merokok Tahun 2006

Klinik	Bil. Klien	Jenis Rawatan		Klien Berjaya Berhenti Merokok		
		NRT & Kaunseling	Kaunseling Sahaja	NRT & Kaunseling	Kaunseling Sahaja	Total Klien
Hospital / KK Putrajaya	151	130	21	3	26	29
KK Pantai	54	24	30	0	5	5
KK Jinjang	62	58	4	20	0	20
KK Batu	86	76	10	0	0	0
Poliklinik Tanglin	151	150	1	1	36	37
KK Bandar Tun Razak	23	20	3	2	0	2
KK Kg. Pandan	60	60	0	0	9	9
Jumlah	**587**	**518**	**69**	**26**	**76**	**102**

Jadual 54: Pencapaian Klinik Berhenti Merokok Tahun 2007

Klinik	Bil. Klien	Jenis Rawatan		Klien Berjaya Berhenti Merokok		
		NRT & Kaunseling	Kaunseling Sahaja	NRT & Kaunseling	Kaunseling Sahaja	Total Klien
Hospital Putrajaya	168	161	7	50	3	53
KK Pantai	57	57	0	18	0	18
KK Jinjang	47	32	5	12	0	12
KK Batu	64	43	21	5	0	5
Poliklinik Tanglin	160	160	0	77	0	77
KK Bandar Tun Razak	18	18	0	0	0	0
KK Kg. Pandan	83	83	0	6	0	6
Jumlah	**597**	**554**	**33**	**168**	**3**	**171**

Jadual 55: Pencapaian Klinik Berhenti Merokok Tahun 2008

Klinik	Bil. Klien	Jenis Rawatan		Klien Berjaya Berhenti Merokok		
		NRT & Kaunseling	Kaunseling Sahaja	NRT & Kaunseling	Kaunseling Sahaja	Total Klien
Hosp. Putrajaya	110	105	5	35	2	37
KK Pantai	18	18	0	5	0	5
KK Jinjang	28	16	0	16	0	16
KK Batu	40	30	10	4	0	4
Poliklinik Tanglin	40	40	0	15	0	15
KK Bandar Tun Razak	6	0	6	1	0	1
KK Kg. Pandan	29	29	0	29	0	29
KK Setapak	61	61	0	3	0	3
Jumlah	**332**	**299**	**21**	**108**	**2**	**110**

2.7.2.5 Laporan Kumulatif Program Terapi Gentian Dengan Methadone

Pada 26 Februari 2008, Pusat Khidmat Agensi Dadah Kebangsaan telah menjalankan Program Terapi Gentian Dengan Methadone di mana seramai 11 orang yang menjalani rawatan pada peringkat permulaan.

Jadual 56: Jumlah Pesakit yang menerima Rawatan Terapi dengan Methadone

Pusat Rawatan	Aktiviti							
	Pendaftaran (D)	Cicir (E)	Kematian (F)	Daftar Semula (G)	Transfer In (H)	Transfer Out (I)	Diberhen-tikan (J)	*Aktif (K)
HKL	403	167	11	0	2	5	3	219
PPUM	112	22	3	0	2	0	0	92
KK Jinjang	69	26	1	19	8	8	0	61
AADK	50	0	0	0	0	1	2	47
PRWT Dr. Mahmud	96	15	0	1	0	17	0	64

Jadual di atas mencatatkan bilangan pesakit yang menjalani rawatan terapi gentian dengan Methadone di mana HKL mencatatkan jumlah paling ramai iaitu 403 orang pesakit manakala PPUM seramai 112 orang pesakit dan Klinik Kesihatan Jinjang seramai 69 orang pesakit. AADK pula mencatatkan 50 orang pesakit manakala Pusat Rawatan Pakar Dr Mahmud pula seramai 96 orang pesakit.

2.7.2.6 Program Kanser Registri

Jadual di bawah menunjukkan analisa ringkas kejadian kanser di WPKL&P.

Jadual 57: Jumlah Pesakit Mengikut Jantina

Bil.	Jantina	Jumlah Pesakit
1.	Lelaki	843
2.	Perempuan	1,236

Jadual di atas menunjukkan jumlah pesakit kanser mengikut jantina di mana perempuan mencatatkan seramai 1,236 orang pesakit berbanding lelaki seramai 843 orang pesakit.

Jadual 58: Jumlah Pesakit Mengikut Bangsa

Bil.	Bangsa	Jumlah Pesakit
1.	Melayu	695
2.	Cina	1,184
3.	India	179
4.	Lain-lain	18
5.	Tidak Diketahui	3

Jadual di atas menunjukkan bangsa Cina mencatatkan jumlah tertinggi iaitu seramai 1,184 kes manakala bangsa yang tidak diketahui sebanyak 3 kes.

Jadual 59: Senarai Jenis Kanser Sepuluh Tertinggi Yang Dicatatkan

Bil.	Jenis Kanser	Jumlah Kes
1.	*Breast Kanser*	534
2.	*Lung Kanser*	219
3.	*NPC Kanser*	124
4.	*Blood Kanser*	102
5.	*Colon Kanser*	80
6.	*Rectum Kanser*	78
7.	*Stomach Kanser*	65
8.	*Servik Kanser*	52
9.	*Prostate Kanser*	47
10.	*Endometrial Kanser*	46

Jadual 60: Senarai Penyakit Kanser Tertinggi Yang Menyebabkan Kematian Pada Tahun 2008

Bil.	Jenis Kanser	Jumlah Kes
1.	*Respiratory*	7
2.	*Female Reproductive System*	3
3.	*Gastrointestinal Tract*	7
4.	*Brain*	2
5.	*Hematology*	1
6.	*Unknown Primary Site*	1

Jadual 61: Taburan Pesakit kanser mengikut umur

Bil.	Umur	Jumlah Pesakit
1.	1 – 25	16
2.	26 – 50	251
3.	51 – 75	427
4.	76 >	56

2.7.2.7 Data Source Provider Kanser Yang Aktif

Data *Source Provider* adalah data yang diambil dari unit-unit di setiap pusat kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dimana data untuk penyakit kanser dikumpul dan di analisa.

Jadual 62: Senarai Data Source Provider Yang Aktif Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Bil.	Senarai Data Source Provider (DSP) Yang Aktif
1.	Jabatan Dermatologi, HKL
2.	Jabatan Radiotheraphy & Oncology & Oncology, HKL
3.	Jabatan Bedah Mulut, HKL
4.	Jabatan Neurosurgery, HKL
5.	Jabatan Surgical HUKM
6.	Jabatan Radiotheraphy & Oncology & Oncology HUKM
7.	Jabatan Phatologi HUKM
8.	Jabatan Obstetrik HUKM
9.	Jabatan UM Dentistry PPUM
10.	Jabatan Radioterapi & Oncologi PPUM
11.	Jabatan Pediatrik, PPUM
12.	Jabatan Patologi, PPUM
13.	Institut Perubatan Respirotary Pantai Medical Centre
14.	Institut Penyelidikan Perubatan Kuala Lumpur
15.	Hospital Tawakkal Kuala Lumpur

2.7.2.8 Aktiviti dan Kursus

Jadual 63 menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh unit kawalan penyakit tidak berjangkit (NCD) sepanjang tahun 2008.

Jadual 63: Aktiviti dan Kursus

Bil.	Aktiviti	Tempat
1.	Bengkel Aktiviti Fizikal MY HESS	JKWPKL&P
2.	Ceramah Umum Kanser	JKWPKL&P
3.	Latihan Terapi Gantian Dengan Methadone	JKWPKL&P
4.	Seminar Kanser Wanita: Pencegahan dan Rawatan.	JKWPKL&P
5.	Ceramah Diabetic Retinopathy	JKWPKL&P
6.	Kursus Kaunseling Terapi Gantian Dengan Methadone	Coral Bay Resort, P. Pangkor
7.	Latihan Komputer My SQL dan Pengkalan Data Bagi NCD Screening	Institutes Health Research
8.	Kursus Basic Life Support	JKWPKL&P
9.	Mesyuarat Pengendalian Klinik Berhenti Merokok	Golden Straits Villas, P. Dickson
10.	Kursus Pengurusan Diabetik	Casa Rachado, Port Dickson

2.7.2.9 Gambar-gambar Aktiviti NCD

Gambar 14: Aktiviti / Kursus NCD

Kursus Kaunseling Rawatan Terapi Gantian Dengan Methadone di Coral Bay Resort, Pangkor.

Kursus Pengurusan Klinik Berhenti Merokok di Golden Straits Villas, Port Dickson.

2.8 AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT

Sub-unit penyakit berjangkit JKWPKL&P merupakan unit yang dipertanggung-jawabkan untuk mengawal dan memantau penyakit-penyakit berjangkit seperti penyakit bawaan air, penyakit cegahan vaksin dan zoonotik di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Penyakit berjangkit dengan kadar insiden bagi 100,000 populasi yang di bawah pengawasan serta dilaporkan sepanjang tahun 2008 adalah seperti di Jadual 64.

Jadual 64: Jumlah Kes Dan Kadar Insiden Penyakit, 2008, JKWPKL&P

Jenis Penyakit		Jumlah Kes	Kadar Insiden
Campak		440	28.16
Difteria		0	0
Disentri		39	2.49
Poliomielitis (Akut)		0	0
Relapsing fever		0	0
Tetanus		0	0
Viral hepatitis	• Hepatitis A	7	0.45
	• Hepatitis B	75	4.80
	• Hepatitis C	110	7.04
Keracunan makanan		245	11.75
Tifoid		40	2.56
Kolera		0	0
HFMD		814	52.1
Ebola		0	0

2.8.1 Penyakit Bawaan Air Dan Makanan

Pada tahun 2008, penyakit berjangkit yang utama (selain penyakit vektor, HIV dan tuberculosis) adalah penyakit bawaan air dan makanan seperti keracunan makanan, tifoid, disentri, hepatitis A dan kolera. Untuk kes keracunan makanan, bilangan kes telah menurun sedikit pada tahun 2008 iaitu sebanyak 224 kes berbanding 245 kes pada tahun 2007. Sebanyak 13 episod keracunan dilaporkan disepanjang tahun 2008 di mana 7 daripadanya berlaku di sekolah. Manakala bagi penyakit disentri pula, terdapat penurunan kes iaitu daripada 56 kes pada tahun 2007 kepada 36 kes sahaja pada tahun 2008. Sebanyak 31 kes tifoid dilaporkan pada tahun 2008 berbanding 34

kes tifoid pada tahun 2007. Trend penyakit bawan air dan makanan bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di bawah.

Rajah 12: Trend Penyakit Bawaan Air dan Makanan, 2004-2008, JKWPKL&P



	2004	2005	2006	2007	2008
Keracunan Makanan	235	194	98	245	224
Tifiod	63	53	27	34	31
Kolera	5	3	1	4	0
Disentri	130	100	60	56	36

2.8.2 Penyakit-Penyakit Lain

Penyakit lain yang dilaporkan termasuk penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD), *Viral hepatitis, measles, relapsing fever* dan *tetanus.* Daripada semua penyakit ini, HFMD adalah penyakit yang paling banyak dilaporkan iaitu sebanyak 814 kes dengan 4 wabak HFMD yang berlaku di Putrajaya dan Kuala Lumpur dengan peningkatan daripada 607 kes pada tahun 2007. Jangkitan campak juga

Rajah 13: Tren Penyakit Berjangkit Lain, 2004-2008, JKWPKL&P



	2004	2005	2006	2007	2008
Hepatitis B	140	169	70	145	70
Hepatitis C	32	30	4	41	97
Measles	148	46	19	45	440
HFMD	468	461	267	607	814

menunjukkan peningkatan pada tahun 2008 iaitu sebanyak 440 kes dilaporkan. Ini disebabkan kerana berlakunya 2 wabak jangkitan campak yang berlaku pada tahun 2008 iaitu di Kampung Baru pada Mei 2008 dan di Rumah Kebajikan Tengku Budriah pada Ogos 2008. Trend penyakit berjangkit lain ini adalah seperti pada rajah di sebelah.

2.8.3 Laporan Wabak Penyakit Berjangkit

Sepanjang tahun 2008, terdapat beberapa wabak penyakit yang berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya selain daripada wabak denggi. Senarai wabak penyakit berjangkit yang berlaku pada tahun 2008 adalah seperti Jadual 65:

Jadual 65: Senarai Wabak Penyakit Berjangkit, Tahun 2008

Bil.	Jenis Wabak Penyakit Berjangkit	Tarikh Berlaku	Tempat Berlaku
1.	Keracunan Makanan	20 Februari 2008	ILP, KL
2.	Keracunan Makanan	30 Mac 2008	Akademi Binaan Malaysia, KL
3.	Keracunan Makanan	10 April 2008	SK Sg Besi, KL
4.	HFMD	28 April-8 Jun 2008	Tadika The Star Children House, Tadika Eduland, Tadika Smart Reader
5.		10 April-25 Jun 2008	Putrajaya
6.	Campak	25 Mei-11 Julai 2008	Kampung Baru, KL
7.	Campak	27 Julai-4 Sept 2008	Rumah Kebajikan Tengku Budriah, KL
8.	Keracunan Makanan	15 Jun 2008	SMK Teknik, KL
9.	Keracunan Makanan	17 Jun 2008	Carrefour Kepong, KL
10.	Keracunan Makanan	2 Julai 2008	SM Teknik, KL
11.	Keracunan Makanan	12 Julai 2008	SM Agama KL
12.	Keracunan Makanan	16 Julai 2008	SK Sri Kepong, KL
13.	HFMD	16 Julai-24 Sept 2008	Putrajaya
14	Keracunan Makanan	29 Julai 2008	SK Dato' Keramat
15.	Rubella	8 Sept-4 Nov. 2008	University Malaya
16.	Keracunan Makanan	13 September 2008	SM Sains Sri Puteri, KL
17.	Rubella	16 Sept-14 Nov 2008	SM Sains Selangor, KL
18.	Keracunan Makanan	13 Oktober 2008	Rumah Yayasan Anak Yatim Ilham, TTDI
19.	Keracunan Makanan	15 Oktober 2008	SK Convent Bkt Nanas, KL

Gambar 15: Aktiviti Pengawalan Wabak Penyakit Berjangkit

April 2008: Pengambilan sampel swab tangan pengendali makanan kantin sekolah dan penutupan premis dapur semasa wabak keracunan makanan.

Sesi taklimat kepada guru Sekolah TTDI, KL dan aktiviti gotong-royong membersihkan sekolah semasa wabak HFMD di sekolah tersebut.

Sesi pendidikan kesihatan dan pemberian vaksin rubella semasa wabak rubella di Universiti Malaya.

Gambar 16: Keratan akhbar tentang wabak campak yang berlaku di Rumah Kebajikan Tengku Budriah, Kuala Lumpur

2.8.4 Program Promosi Immunisasi Measles

Berikutan daripada beberapa wabak *measles* dan peningkatan kes-kes jangkitan *measles* yang berlaku di Kuala Lumpur pada tahun 2008, Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menjalankan Program Promosi Immunisasi Measles di sepanjang bulan September dan Oktober. Program ini adalah bertujuan untuk memberikan pendidikan kesihatan kepada orang ramai tentang kepentingan immunisasi MMR *(Measles, Mumps, Rubella)* kepada kanak-kanak berumur 1 dan 7 tahun mengikut program immunisasi kebangsaan. Lawatan dari rumah ke rumah dijalankan oleh pegawai dari JKWPKL&P di sekitar Kampung Baru, Dato' Keramat, Sentul dan Bandar Sri Permaisuri, Cheras. Selain itu, klinik bergerak juga di buka di kawasan-kawasan tersebut untuk memberikan perkhidmatan suntikan immunisasi MMR kepada kanak-kanak yang masih lagi belum mendapat suntikan tersebut.

Gambar 17: Aktiviti Program Promosi Imunisasi *Measles*

Gambar-gambar aktiviti pemberian vaksin *measles* dan pendidikan kesihatan dari rumah ke rumah semasa Program Promosi Immunisasi *Measles.*